

CNS3692

U GB 20-12 00164 BA370

bah

Mahathir - Keluli

INDUSTRI KELULI PERLU TINGKATKAN DAYA SAING

BUTTERWORTH, 20 Dis (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menggesa industri keluli di negara ini meningkatkan daya persaingan bagi memenuhi permintaan pasaran tempatan dan eksport.

Perdana Menteri berkata industri keluli tempatan perlu berpandangan jauh kerana ia dijangka menghadapi lebih bekalan dan beberapa kelemahan lain seperti harga rendah dan kemelesetan dalam industri pelanggan.

Kelemahan dalam industri keluli disebabkan kelaziman pengeluar keluli di seluruh dunia mementingkan kuantiti dan bukannya kualiti, katanya semasa berucap merasmikan loji rod dawai dan tapak loji pembuatan keluli kedua Malayavata Steel Berhad di Prai di sini hari ini.

Katanya industri berkenaan di Jepun juga menghadapi lebih kapasiti pada awal 1980-an tetapi masih merupakan yang paling mantap di dunia setelah pengeluarannya melaksanakan program mempelbagaian, katanya.

Beliau berkata pengeluar keluli di Jepun menikmati pulangan yang tinggi kerana mendapat permintaan tempatan yang menggalakkan daripada industri komponen kereta, pembinaan dan jentera. -- Lagi.

▼20/12/14-53MST

U GB 20-12 00147 BA372

bah

Mahathir - Keluli 2 Butterworth

"Terdapat potensi besar bagi fabrikasi keluli, pembuatan mesin dan sektor kejuruteraan jika pengimport berupaya mendapatkan bekalan komponen tempatan. Para pengeluar keluli tempatan perlu meningkatkan pertalian antara syarikat-syarikat hulu dan hiliran.

"Satu skim yang serupa dengan Program Pembangunan Vendor yang dibentuk untuk industri elektronik baru-baru ini, akan membolehkan syarikat hulu mendapat kemudahan kewangan bagi membantu pembangunan industri hiliran," katanya.

Dr Mahathir berkata keperluan untuk menjadi lebih kompetitif dalam pasaran eksport juga menjadi lebih mendesak dengan pelaksanaan skim CEPT bagi Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN (AFTA).

"Industri keluli patut mengambil faedah daripada AFTA dengan mempelbagaikan barangan keluarannya. Langkah ini akan meningkatkan keupayaan industri keluli untuk menembusi pasaran eksport rantau ini."

Beliau berkata Malaysia dianggap oleh pengeluar keluli asing sebagai pangkalan yang baik bagi pengeluaran keluli untuk dieksport ke rantau Asia Tenggara. -- Lagi.

▼20/12/14-56MST

bah

Mahathir - Keluli 3 (Akhir) Butterworth

"Rantau ini juga dijangka mengalami pertumbuhan tinggi dalam permintaan bagi "flat products" hasil perkembangan pesat industri-industri yang menggunakan barang-barang jenis tersebut," katanya.

Di Malaysia, pasaran bagi flat products adalah antara satu dan dua juta tan metrik setahun dan ia dijangka meningkat kepada tiga juta tan metrik dalam beberapa tahun akan datang dan sehingga lima juta tan metrik menjelang tahun 2000, katanya.

Dr Mahathir juga berkata peluang industri keluli tempatan untuk berkembang adalah sejajar dengan kemunculan negara sebagai sebuah negara industri pada dekad akan datang.

Malaysia tidak akan menjadi negara industri melainkan mempunyai industri besi waja yang dapat menampung sekurang-kurangnya separuh daripada keperluan sendiri, kata beliau.

Sementara itu, Pengerusi MYS, Tan Sri Shahrizan Tunku Sulaiman berkata loji pembuatan keluli baru yang dijadual beroperasi 1995 akan meningkatkan pengeluaran keluli MYS kepada 450,000 tan metrik setahun berbanding 420,000 tan metrik sekarang.

Syarikat usahasama Malaysia-Jepun itu mula mengeluarkan keluli pada 1967 dengan menghasilkan pelbagai jenis produk besi waja untuk pasaran tempatan dan eksport. -- Bernama

ANR MOZ NMO

▼20/12/14-59MST